

Mencari siapa bohong, berbohong, pembohong



**SELAK
HASSAN
MOHD. NOOR**
selak@utusan.com.my

APA khabar CAT Pulau Pinang? CAT di sini bukan bermaksud kucing tetapi slogan urus tadbir kerajaan DAP Pulau Pinang iaitu Cekap, Akauntabiliti, Telus. Sejak timbul isu banglo Jalan Pinhorn dan tanah Taman Manggis, banyak pihak tertumpu kepada slogan CAT Pulau Mutiara itu. Seperti cuaca sekarang, semakin hari semakin panas, banyak yang diselak berkaitan isu berkenaan. Satu persatu didedahkan. Ada juga yang sudah tidak tentu arah, hari ini cakap 'A' dan esok cakap 'B'. Berbelit-belit. Tumpuan sekarang ialah sejauh mana kerajaan pimpinan Lim Guan Eng mampu menyelesaikan masalah ini sama ada melalui siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau di pihak kerajaan negeri sendiri. Setakat ini pelbagai kenyataan dikeluarkan berhubung isu banglo RM2.8 juta yang didakwa dibeli di bawah nilai pasaran dan penjualan tanah Taman Manggis yang diperuntukkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini untuk Projek Perumahan Rakyat Termiskin. *Selak* tidak berminat terus menyelak isu jual beli itu tetapi lebih kepada mahu melihat sejauh mana CAT dapat menangani isu ini dengan baik supaya rakyat benar-benar mendapat penjelasan atau jawapan sebenarnya.

Seperti kata Guan Eng, kontrak pembelian banglo beliau berharga RM2.8 juta umpama 'perkahwinan' selagi tidak ada paksaan atau pengaruh yang tidak wajar. Agaknya bermaksud, jika 'pengantin' lelaki setuju dengan 'jumlah wang hantaran' yang ditetapkan maka terima sajalah. Begitu juga sebaliknya jika pengantin perempuan enggan menerima sebarang wang hantaran, maka kahwin percuma! Berbalik kepada dua isu ini juga, perbahasan di Dewan Rakyat panas dan riuh rendah. Contohnya ketika penggulungan perbahasan di Dewan Rakyat pada 23 Mac lalu yang mengambil masa 1 jam 40 minit semata-mata membincangkan isu ini. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Abdul Rahman Dahlan memulakan penggulungan titah Yang di-Pertuan Agong itu kira-kira pukul 8.41 malam dan menamatkan ucapannya kira-kira 10.20 malam.

KAMUS DEWAN EDISI KEEMPAT
bohong berlainan daripada yang sebenarnya (cerita, keadaan, dan lain-lain), dusta, karut, palsu.
berbohong, membohong bercakap bohong, berdusta
membohongi bercakap bohong kepada, mendustai
membohongkan 1. menganggap bohong, mengatakan bohong; 2. menyangkal, mengiingari
kebohongan perihal bohong, sesuatu yang bohong
pembohongan perbuatan membohong (i) atau membohongkan, pendustaan
pembohong 1. orang yang suka membohong; 2. suka membohong

KAMUS BESAR BAHASA MELAYU UTUSAN
bohong dusta, karut, palsu, berlainan dari yang sebenar (cerita), tidak benar, lolok, merakah, pelemah, lontak, dengkul, karut, bidaan, kidib, bongak, bedooh
berbohong berbuat dusta, melepas, tidak bercakap betul, berdalih, nawak
berbohong, membohong berdusta, berkata yang tidak benar, berlawak
membohong 1. bercakap kosong, menemberang, jual koyok, jual ubat (spb), bercakap yang bukan-bukan 2. membuat-buat, mengada-ada, melebihi-lebihkan
membohongkan bercakap bohong, menemberangkan
membohongi 1. mencurigai, menipu, mengakali.
2. berputar lidah (spb), berbelit-belit (percakapan)
membohongi, membohongkan, memperbohongkan - mendustai; membohongkan, memperbohongkan menyangkal, memungkir, menafikan, mengingkari
pembohong 1. tukang temberang 2. penipu, pembelit 3. lidah bercabang (spb) 4. pendusta
pembohongan 1. penipuan 2. pendustaan
kebohongan - kedustaan

Apa yang menarik perhatian ialah isu kenyataan harga rumah mampu milik RM400,000 seunit di Pulau Pinang yang dikatakan ditetapkan oleh Kementerian berkenaan. Penggulungan menteri mengambil masa hampir satu jam semata-mata mahu menyelesaikan 'pertikaian' berkaitan perkataan bohong, berbohong, pembohongan dan membohong. Hanya kerana perkataan itu, penyudahnya, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen DAP Bagan diarahkan meninggalkan Dewan Rakyat, sesuatu yang didakwa sebagai strategi terancang. Abdul Rahman ketika mengulas keputusan 'mengeluarkan' Guan Eng berkata: "Beliau menggunakan taktik lama untuk diarahkan keluar dewan, kemudian di luar dewan membuat sidang media dan menangis meraih simpati." Begitulah suasananya pada minggu lalu. Ternyata Guan Eng tidak berpuas hati dengan keputusan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Ismail Mohamed Said kerana memutuskan bahawa perkataan 'bohong' itu tidak ditunjukkan kepadanya tetapi kepada kenyataan yang dikeluarkannya berkaitan harga rumah

mampu milik. Guan Eng berkata: "Kalau pembohongan, saya boleh terima. Akan tetapi disebut ini yang bohong, yang berbohong ialah Yang Berhormat Bagan, macam mana saya boleh terima." Apakah maksud perkataan bohong, berbohong, pembohongan dan membohong? **(Rujuk info grafik).**

Isu perkataan itu tidak seharusnya dibiarkan berlarutan sehingga mengambil masa untuk meleraikannya. Jika tidak faham, elok rujuk kepada pakar-pakar berkaitan. Seperti kata Abdul Rahman: "Bukan salah saya kalau Yang Berhormat Bagan tidak faham bahasa Melayu tetapi perkataan 'bohong' itu timbul atas sebab fakta yang betul bahawa beliau telah menuduh Kementerian saya...beliau mengatakan bahawa kami yang menentukan harga RM400,000 rumah mampu milik di negeri Pulau Pinang. Sebenarnya Yang Berhormat Bagan tidak faham bahawa apabila beliau meletakkan harga itu, rakyat Pulau Pinang marah akhirnya menuding jari kepada saya. Saya ada bukti yang menunjukkan bahawa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tem-

patan tidak pernah meletakkan RM400,000. Itu sebab saya kata bohong, kang saya kata tipu susah pula. Saya katakan lidah bercabang lagi dia marah. Jadi saya menggunakan perkataan yang paling baik iaitu berbohong dan itu bahasa Melayu. Bahasa Melayu yang mungkin tidak difahami dalam konteks ini."

Menyelak semula ucapan pada 16 Mac lalu di Dewan Rakyat, Guan Eng tidak senang apabila Abdul Rahman berkata: "Tuan Yang Dipertua, di kesempatan ini juga saya ingin membetulkan dakwaan Yang Berhormat Bagan dan kenyataan Yang Berhormat Batu Kawan semalam yang menegaskan takrifan harga rumah mampu milik di Pulau Pinang sebanyak RM400,000 ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Ini adalah satu pembohongan..." Guan Eng juga tidak berpuas hati dengan perkataan bohong seperti kata Abdul Rahman iaitu: "Saya menjawab ini sebab ada video bertajuk *Housing Cost Determined by Federal Housing Ministry* oleh Yang Berhormat Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang yang dimuat naik di laman Facebook beliau atau Facebook Bulletin Mutiara bertarikh 13 Mac 2016. Beliau telah mengatakan bahawa RM400,000 ini ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan. *That is a lie, that is a lie.* Bohong."

Guan Eng juga mempertikaikan kenyataan Abdul Rahman iaitu "Yang membohong ialah Yang Berhormat Bagan". Kenyataan itu timbul apabila P. Kasthuriraani (DAP-Batu Kawan) mempersoalkan kenapa jawapan Abdul Rahman sebelum itu ditujukan kepada Pulau Pinang sahaja seolah-olah tidak ada negeri lain. Apabila Abdul Rahman menjawab sebab menteri besar dan ketua menteri yang lain tidak bohong, wakil Batu Kawan itu meminta perkataan itu ditarik balik tetapi pendirian Abdul Rahman ialah: "Macam mana kita tidak sebut dia, sebab dia yang bohong."

Begitulah episod bohong, berbohong, pembohongan dan membohong yang mewarnai sidang Dewan Rakyat minggu lalu.

Diharapkan persoalan berkaitan isu ini dapat diselesaikan. Semua orang ingin tahu siapakah sebenarnya yang bohong, berbohong, membohong atau melakukan pembohongan!